

D123

R B155 DEB
MAHATHIR - PENGANGGURAN
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 6 PETANG INI.)

I

KUALA LUMPUR, 28 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, MAHASISWA YANG MENGANGGUR TERUTAMANYA BUMIPUTERA HARUS MENYALAHKAN DIRI SENDIRI KERANA GAGAL MENDAPAT PEKERJAAN DALAM SEKTOR SWASTA KERANA KELEMAHAN MEREKA MENGUASAI BAHASA INGGERIS.

+ITU ADALAH PILIHAN MEREKA... MEREKA TIDAK BOLEH MENYALAHKAN SESIAPA,+ KATANYA DALAM WAWANCARA AKHIR TAHUN DENGAN PARA EDITOR KANAN TEMPATAN DI PEJABATNYA DI SINI.

+KITA TELAH MEMBERI MEREKA PELUANG UNTUK BELAJAR BAHASA INGGERIS UNTUK MEMPEROLEHI KEMAHIRAN YANG AKAN BERGUNA KEPADA MEREKA TETAPI MEREKA BERPENDAPAT IA TIDAK BERFAEDAH DAN OLEH YANG DEMIKIAN MEREKA TIDAK BOLEH MENYALAHKAN SESIAPA BERSABIT MASALAH ITU,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN SELAIN DARIPADA MEMPERUNTUKKAN \$17 JUTA TAHUN DEPAN UNTUK SKIM KHIDMAT SEMENTARA BAGI PARA MAHASISWA MENGANGGUR, JUGA BERUSAHA MENDAPATKAN PIHAK SWASTA UNTUK MEMBANTU.

+KITA SEDIA MENIMBANG UNTUK MENEMPATKAN MEREKA DI SEKTOR SWASTA. BAGAIMANAPUN SATU DARIPADA PERKARA YANG MENDUKACITAKAN KITA IALAH SESETENGAH DARIPADA MAHASISWA YANG MENGANGGUR ITU MENGANGGAP MEREKA DITEMPATKAN DI SITU SEMATA-MATA UNTUK MEMBUANG MASA, UNTUK TIDAK BELAJAR APA-APA,+ KATANYA.

+MEREKA TIDAK AKAN BELAJAR APA-APA, MEREKA TIDAK AKAN BERBUAT APA-APA, MEREKA HANYA MENUNGGU KERJA,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI.
1652MST 28 12 89

D124

R B156 DEB
MAHATHIR - PENGANGGURAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+DAN SAYA FIKIR \$400 (YANG DIBAYAR KEPADA MAHASISWA ITU SEBULAN DI BAWAH SKIM TERSEBUT) IALAH SATU JUMLAH YANG BESAR JIKA ANDA MENIMBANGKAN BAHAWA SEORANG PEKERJA BIASA MENDAPAT KURANG DARIPADA ITU, JADI KERAJAAN SEBENARNYA SEDANG MEMBUAT SATU JASA YANG BESAR,+ KATA PERDANA MENTERI.

MENGENAI SESETENGAH MAHASISWA MENGANGGUR MELAYU YANG TIDAK FASIH BERBAHASA INGGERIS TETAPI AMAT MAHIR DALAM AJARAN AGAMA ISLAM, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SESEORANG ITU BOLEH BERPENGETAHUAN LUAS MENGENAI AGAMA DAN PADA MASA YANG SAMA TURUT PANDAI BERTUTUR DALAM BAHASA INGGERIS.

+INI ADALAH HASIL ORANG-ORANG YANG MEMPUNYAI CITA-CITA POLITIK YANG MENGAJAR BERBAGAI-BAGAI PERKARA YANG BERTENTANGAN MENGENAI ISLAM KEPADA MEREKA.+

+SESEORANG PERLU MEMPELAJARI AGAMA, SAYA BUKANLAH HENDAK MENGATAKAN BAHAWA SESEORANG ITU TIDAK HARUS MEMPELAJARINYA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI YANG BERADA DI ARAB SAUDI BARU-BARU INI BERKATA, APA YANG DIPERKATAKAN OLEH ORANG-ORANG ARAB MENGENAI INDUSTRI PETROLEUM MEREKA IALAH +... IA KURNIAAN TUHAN KEPADA ANDA DAN ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB ANDA UNTUK MENGGUNANYA. JIKA ANDA TIDAK MEMPUNYAI KEMAHIRAN MAKA ANDA TIDAK BERSYUKUR DENGAN KURNIAAN TUHAN KEPADA ANDA.+ -- LAGI.

1654MST 28 12 89

D125

R B157 DEB
MAHATHIR - PENGANGGURAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+INILAH YANG DIPERKATAKAN OLEH ORANG ARAB. ORANG YANG MENGHALANG ORANG LAIN DARIPADA MEMPELAJARI KEMAHIRAN BUKANNYA ORANG ARAB TETAPI IALAH ORANG YANG MEMAKAI JUBAH,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+INILAH ORANG YANG MEMBERITAHU KAUM WANITA AGAR JANGAN MEMPELAJARI TENTANG PERUBATAN TETAPI SEBALIKNYA BERKAHWIN DENGAN MEREKA. DAN TIDAK BERSEEDIA UNTUK BERKATA APA-APA TERHADAP MEREKA KERANA MEREKA MEMAKAI JUBAH,+ KATANYA.

+INILAH ORANGNYA YANG MEMPENGARUHI MAHASISWA-MAHSISWA YANG MENGANGGUR. MEREKA KE LUAR NEGERI DAN MEMBERITAHU PARA PENUNTUT MEREKA... JANGAN BUAT INI, JANGAN BELAJAR INI,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA.

1655MST 28 12 89